

## Mencela Salah Seorang Sahabat Nabi

Imam al-Bukhari dan Imam Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

*“Sesungguhnya Allah berfirman, ‘Barangsiapa memusuhi salah seorang waliKu maka Aku mengisytiharkan perang terhadapnya.’”*

Kedua-duanya juga meriwayatkan bahawa baginda bersabda:

*“Janganlah kamu mencela para sahabatku! Demi Yang jiwaku ada di tanganNya jika ada di antara kamu yang menginfakkan emas sebesar bukit Uhud, sesungguhnya nilainya tidak sampai satu ‘mudd’ dari (infak) mereka, bahkan tidak pun setengahnya.”<sup>1</sup>*

Nabi s.a.w juga bersabda:

*“Allah...Allah berkenaan dengan para sahabatku! Janganlah kamu menjadikan mereka sebagai sasaran sepeninggalanku. Barangsiapa mencintai mereka, maka dengan segala rasa cintaku aku mencintainya. Barangsiapa membenci mereka, maka dengan segala kebencianku aku membencinya. Barang siapa menyakitinya sesungguhnya telah menyakitiku. Barangsiapa menyakitiku bermakna telah menyakiti Allah. Dan barangsiapa menyakiti Allah, hampir saja Allah mengambilnya (mencabut nyawanya).”*

Hadis di atas dan beberapa hadis lain yang seumpama dengannya memberi keterangan tentang orang yang menjadikan mereka (sahabat) sebagai sasaran celaan, membuat kedustaan atas mereka, mencemuh mereka, mengkafirkan mereka, dan bersikap celupar terhadap mereka sepeninggalan Rasulullah s.a.w.

Kata-kata Nabi s.a.w, “Allah...Allah...” adalah peringatan seperti ucapan seseorang, “Api...Api...”. Maksudnya, “Berhati-hatilah terhadap api”. Kata-kata Nabi s.a.w, “Janganlah kamu menjadikan mereka sebagai sasaran sepeninggalanku”, maksudnya janganlah menjadikan mereka sebagai sasaran untuk dicela dan dicaci-maki. Ini seperti ungkapan ‘Dia menjadikan orang itu sebagai sasaran untuk dicela’, maksudnya menjadikannya sebagai sasaran dan tumpuan untuk dicela. Kata-kata Nabi s.a.w. “Barangsiapa mencintai mereka, maka dengan segala rasa cintaku aku mencintainya. Barangsiapa membenci mereka maka dengan segala kebencianku aku membencinya.”, adalah untuk menunjukkan keutamaan mereka. Mencintai para sahabat hendaklah kerana mereka adalah orang-orang yang telah menemani Rasulullah s.a.w, menolongnya, beriman kepadanya, menghormatinya serta membelanya dengan nyawa dan harta. Barangsiapa mencintai mereka pada hakikatnya adalah mencintai Nabi s.a.w. Maka mencintai para sahabat Nabi s.a.w adalah tanda cinta kepada Nabi, membenci mereka adalah tanda benci kepada Nabi s.a.w, sebagaimana telah disebutkan dalam sebuah hadis sahih,

*“Mencintai (sahabat) Anshar adalah sebahagian dari iman sedangkan membenci mereka adalah sebahagian dari kemunafikan.”<sup>2</sup>*

Semua ini disebabkan bersegeranya mereka dalam menerima Islam dan mujahadah (kesungguhan dan jihad); mereka memerangi musuh-musuh Allah bersama Rasulullah s.a.w. Termasuk di sini ialah mencintai Ali r.a. Keterangan tentang keutamaan para sahabat boleh didapati dengan mengkaji keadaan mereka, perjalanan hidup mereka, dan atsar mereka yang meliputi bersegeranya mereka menuju iman, jihad memerangi orang-orang kafir, penyebaran agama Allah, menegakkan syiar-syiar Islam, meninggikan kalimat Allah serta mengajarkan perkara-perkara yang diwajibkan Allah dan sunnah NabiNya, baik pada zaman Nabi s.a.w dan juga selepas peninggalan baginda. Kalau bukan kerana mereka, nescaya tidak akan ada perkara-perkara agama ini yang sampai kepada kita; pokok-pokoknya dan juga cabang-cabangnya .

Sesiapa yang mencaci-maki atau mencela mereka sesungguhnya dia telah keluar dari agama ini dan telah menyimpang dari 'millah' orang-orang Islam. Ini adalah kerana cacian atau celaan tidak akan lahir selain dari i'tiqad dan keyakinan bahawa mereka bukanlah orang-orang baik, atau disebabkan dengki yang terpendam, atau mengingkari terhadap pujian yang Allah sebutkan dalam kitabNya dan dinyatakan oleh Rasulullah dalam hadis-hadis baginda. Juga hadis tentang keutamaan mereka, budi pekerti mereka, dan kecintaan mereka. Mereka adalah "jalan" terbaik bagi yang "ma'tsur" dan yang "manqul". Mencela "jalan" bermakna mencela "tujuan". Mencela "pembawa" bermakna mencela yang dibawa. Ini semua tampak jelas bagi sesiapa yang mahu menilainya, yang bebas dari sifat munafik, "zindiq", dan bebas dari "ilhad" terhadap aqidah yang benar tentang mereka. Banyaknya maklumat dan hadis tentangnya sudah pastinya cukup untuk dijadikan sebagai dasar dan panduan. Contohnya, sabda Nabi s.a.w, *"Sesungguhnya Allah memilihku dan memilihkan para sahabat untukku. Allah menjadikan mereka sebagai wazir menteri, "Anshar" penolong, dan anshar menantu/mentua. Maka barangsiapa mencela mereka nescaya dia akan mendapat laknat Allah, para malaikat dan seluruh manusia. Allah tidak akan menerima infaknya dan tidak pula tindak adilnya pada hari kiamat kelak."*<sup>3</sup>

Anas bin Malik r.a berkata, *"Beberapa orang dari kalangan sahabat Nabi s.a.w mengadu, "Sesungguhnya kami dicela. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda, "Barangsiapa mencela sahabat-sahabatku nescaya akan mendapat laknat dari Allah , malaikat dan manusia seluruhnya."*<sup>4</sup>

Sahabat Anas juga meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, *'Sesungguhnya Allah memilihku dan memilih para sahabat untukku. Juga menjadikan untukku para sahabat , para ikhwan dan para menantu/mertua.*

*"Nanti akan datang suatu kaum sesudah mereka yang mencela dan mencaci-maki mereka. Maka, janganlah kamu makan minum bersama mereka, jangan berkahwin dengan mereka, dan juga jangan mengerjakan sembahyang bersama mereka."*<sup>5</sup>

Dari Abdullah Bin Mas'ud r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: *"Jika sahabat-sahabatku disebut-sebut maka tahanlah diri kamu (dari mencelanya), jika perihal bintang-bintang disebut-sebut maka tahanlah diri kamu (dari membicarakan dan mempercayainya). Dan jika perihal takdir disebut-sebut maka tahanlah diri kamu."*<sup>6</sup>

Para Ulama menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan disebut-sebutnya takdir adalah

dicari-carinya rahsia takdir sesuatu. Adapun keadaan 'menahan diri' seperti tersebut di atas, maka itu adalah petanda masih adanya iman dan ketundukan kepada perintah Allah. Begitu juga dengan bintang-bintang. Barangsiapa menyakini bahawa dia memiliki kuasa di luar kehendak Allah maka telah musyriklah dia. Juga sesiapa yang mencela sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w, mencari-cari kekurangan dan aib mereka, sesungguhnya telah menjadi munafiklah dia. Kewajiban bagi seorang muslim adalah mencintai Allah, mencintai Rasul-Nya, mencintai apa yang baginda bawa serta, mencintai orang-orang yang melaksanakan perintahnya, mencintai orang-orang yang berpegang kepada petunjuk darinya dan beramal dengan sunnahnya, mencintai keluarganya, para sahabatnya, isteri-isterinya, anak-anaknya, hamba-hambanya, para pembantunya, mencintai orang-orang yang mencintainya dan membenci orang-orang yang membencinya. Yang demikian ini kerana tali pengikat iman yang paling kuat adalah cinta kerana Allah dan benci kerananya.

Ayyub as-Sukhtiyani berkata, "Barangsiapa mencintai Abu Bakar bermakna telah menegakkan mercutanda agama, barangsiapa mencintai Umar bermakna telah memperjelaskan jalan, barangsiapa mencintai Utsman bermakna telah berusaha mencari cahaya Allah. Barangsiapa mencintai Ali bererti telah berpegang teguh kepada tali yang kuat, dan barangsiapa mengucapkan yang baik-baik tentang para sahabat Rasulullah bermakna telah bebas dari kemunafikan."

Keistimewaan dan keutamaan para sahabat sesungguhnya terlalu banyak untuk disebutkan. Yang jelas ulama ahlu-sunnah telah sepakat bahawa sahabat yang paling utama adalah sepuluh sahabat yang dijamin oleh Rasulullah s.a.w. sebagai penghuni syurga. Dari yang sepuluh itu yang paling utama adalah Abu Bakar, kemudian Umar bin al-Khattab, kemudian Utsman bin 'Affan, kemudian Ali bin Abu Thalib, semoga Allah meredhai mereka semuanya. Tidak ada seorangpun yang meragukan hal ini kecuali seorang ahli bid'ah dan munafik yang jahat.

Nabi s.a.w. telah menegaskan dalam sabdanya:

*"Berpegang teguhlah kamu semua kepada sunnahku dan sunnah Khulafa Ar-Rasyidin yang selalu mendapatkan petunjukku sesudahku. Gigitlah erat-erat dengan gigi geraham. Dan jauhilah mengadakan perkara-perkara yang baru (bid'ah)!"*<sup>7</sup>

Khulafa 'Ar-Rasyidin iaitu Abu Bakar, Umar, Utsman, dan Ali r.a.

Berkenaan dengan Abu Bakar Allah menurunkan firmannya:

*"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka (tidak) akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat(nya), dan orang-orang yang miskin." (An-Nur:22)*

*"Sedangkan dia salah seorang dari dua ketika keduanya berada dalam gua". (At-Taubah:40)*

Kedua ayat di atas tidak dipertikaikan lagi bahawa keduanya turun berkenaan dengan Sayyidina Abu Bakar. Rububiyah Allah telah menyaksikan persahabatannya dengan

Rasulullah s.a.w. Allah memberikan khabar gembira kepadanya dengan sakinah. Dia pun menyebutnya dengan 'salah satu dari dua orang'. Umar Bin Khaththab pernah berkata, "*Siapa yang lebih utama dibandingkan dengan salah satu dari dua orang yang mana yang ketiganya adalah Allah?*"

Allah juga berfirman, "*Dan orang yang membawa kebenaran dan yang membenarkannya, mereka itulah orang-orang yang bertaqwa.*" (QS. Az-Zumar:33)

Ja'far Shadiq pernah berkata, "*Tidak ada keraguan lagi bahawa orang yang datang dengan membawa kebenaran adalah Rasulullah s.a.w sedangkan yang membenarkannya adalah Abu Bakar r.a. Masih adakah keistimewaan yang melebihi keistimewaannya di tengah-tengah para sahabat?*" Semoga Allah meredhai para sahabat semuanya.

---

Nota kaki:

1. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (3673), Muslim (2541), Ibnu Majah (161), Ibnu Hibban (6994) dan Abu Ya'la (1171) dari Abu Sa'id.
2. 2. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (3784) dan Muslim (74) dari Anas, Al-Bukhari (3783) dan Muslim (75) dari Al-Barra.
3. Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Ashim (1000), Abu Nu'aim (2/11), Al-Hakim (3/632) dan didhaifkan oleh Asy-Syaikh dalam *Dha'if Al-Jami'* (1536).
4. Diriwayatkan oleh Ibnu Adi (5/212) dan Al-Khathib dalam *Tarikhnya* (14/241) Dan dihasankan oleh Asy-Syaikh dalam *Shahih Al-Jami'* (6285).
5. Diriwayatkan oleh Al-Uqaili (1/126) dalam biografi Ahmad bin Imran Al-Akhnas dari Anas, dan di dhaifkan oleh Asy-Syaikh dalam *Dha'if Al-Jami'* (1537.)
6. Hadis *Shahih* Dari Ibnu Mas'ud, Tsauban, Ibnu Umar, Thawus dan semuanya dha'if namun dengan berhimpunnya berbagai riwayat ini dapat saling menguatkan, demikian yang dinyatakan Syaikh Al-Albani dalam *Ash-Shahihah*.
7. Diriwayatkan oleh Ahmad (4/127), Abu Daud (4607), At-Tirmizi (4676). Ibnu Majah (42), Ad-Darimi (95), Ibnu Hibban (5), Al-Hakim (1/94), Al-Khathib dalam *Al-Kifayah* (hal.5) Ibnu Abi Ashim (27,34), Al-Ajurri (46) dan di sahihkan oleh Asy-Syaikh dalam *Shahih Al-Jami'* (2549).

Nota: Saringan oleh [www.darulkautsar.net](http://www.darulkautsar.net) dari buku terjemahan "*Al-Kabair (Dosa-dosa Besar)*" karangan Imam Az-Zahabi. Buku terjemahan asal boleh dicapai di sini-

<https://drive.google.com/file/d/0B0r1wFGeMOw5eDdpZjM4a2YyRG8/edit>